



## Perbandingan tingkah laku sosial berdasarkan kumpulan etnik dalam kalangan generasi muda terpinggir di Malaysia

Fauziah Ibrahim<sup>1</sup>, Sheau Tsuey Chong<sup>1</sup>, Denise Koh Choon Lian<sup>2</sup>, Juliana Rosmidah Jaafar<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 Bangi Selangor

<sup>2</sup>Jabatan Pendidikan & Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor

Correspondence : Fauziah Ibrahim (ifauziah@ukm.edu.my)

### Abstrak

Artikel ini disediakan bertujuan untuk mengenalpasti perbandingan tingkah laku sosial berdasarkan kumpulan etnik dalam kalangan generasi muda terpinggir di Malaysia. Kajian telah dijalankan dengan menggunakan reka bentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Seramai 4,107 generasi muda pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir dan berumur dalam lingkungan 15-25 tahun telah dipilih sebagai responden kajian. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian ANOVA untuk mengenalpasti perbandingan tingkah laku sosial berdasarkan kumpulan etnik di Malaysia. Hasil kajian mendapati secara relatifnya, majoriti generasi muda pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir tidak menunjukkan gangguan tingkah laku dan masalah emosi yang membimbangkan. Kesemua etnik generasi muda yang tinggal di kawasan terpinggir juga mempamerkan kemahiran prososial yang baik dan perlu dibanggakan. Hanya generasi muda dalam kalangan etnik India sahaja menunjukkan masalah hubungan dengan rakan sebaya yang membimbangkan berbanding generasi muda terpinggir dalam kalangan pelbagai etnik lain di Malaysia. Analisis terhadap dimensi tingkah laku hiperaktif menunjukkan tingkah laku hiperaktif yang dipamerkan oleh generasi muda yang tinggal di kawasan terpinggir berada pada tahap yang membimbangkan. Hasil kajian memberi implikasi ke arah keperluan mewujudkan program-program pembangunan generasi muda masa hadapan yang lebih relevan dan terkini dengan keperluan semasa mereka. Usaha mempertingkatkan aspek tingkah laku hiperaktif dalam kalangan generasi muda pelbagai etnik di Malaysia adalah diperlukan bagi membantu mencapai matlamat negara ke arah pembentukan perpaduan dan generasi muda yang sejahtera.

**Katakunci:** Tingkah laku sosial, gender, etnik, generasi muda terpinggir, perpaduan, Konsep 1 Malaysia

## A Comparison of Social Behaviour Based on Ethnicities Amongst Marginalized Youths in Malaysia

### Abstract

This article aims to identify the comparison of social behaviour amongst youths marginalized based on ethnicities in Malaysia. The quantitative study used cross-sectional design to select 4107 teenagers aged 15-25 from multiple ethnicities and living in marginalized areas. Data analysed by ANOVA for comparing respondents' social behaviour. The study found no distressing behaviour and emotional disturbance among

the majority of respondents. All respondents found having good prosocial behaviour. However, the Indian respondents have relationship difficulties with their peers, unlike the other ethnicities. In addition, the analysis of the dimension of hyperactive behaviour shows the respondents are at the alarming stage. The findings highlight the need to form relevant and up to date programs for young generations according to their needs. The efforts should be considered to enhance hyperactive behaviour amongst teenagers to various ethnicities from all aspects in order to achieve national goals towards unity and to prosper young generations.

**Key words:** social behaviour, gender, ethnic, marginalized youth, unity, 1 Malaysia concept

## Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi yang mempunyai masyarakat majmuk daripada segi kaum, agama, bahasa dan budaya. Kepelbagaian yang wujud telah menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara unik kerana terdiri daripada rakyat yang berbilang bangsa, agama dan budaya disamping boleh hidup dengan aman dan harmoni di bawah satu pemerintahan negara (Zaliza & Norlin, 2009). Sebagai usaha negara ke arah pemupukan dan memperkukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai etnik, maka konsep 1 Malaysia telah diperkenalkan dengan menjadikan nilai-nilai murni sebagai teras yang perlu dijadikan sebagai amalan dalam menjalani kehidupan seharian. Menurut Shamsul Amri (2007), perpaduan dianggap sebagai satu proses yang menyatupadukan seluruh masyarakat dan negara supaya setiap anggota masyarakat pelbagai etnik dapat membentuk satu identiti dan nilai secara bersama serta perasaan cinta dan bangga tanah air. Konsep 1 Malaysia yang diperkenalkan juga menekankan tentang sikap penerimaan dalam kalangan rakyat berbilang etnik untuk bersatu padu, saling hormat menghormati dan menerima keunikan etnik yang wujud di Malaysia. Bagi merealisasikan perpaduan dan keharmonian masyarakat sepertimana yang terkandung dalam gagasan 1 Malaysia, maka pihak-pihak yang berkepentingan perlu memahami tingkah laku sosial khususnya dalam kalangan generasi muda pelbagai etnik yang tinggal dalam kawasan terpinggir supaya mereka dapat diperkasakan sahsiahnya dan tidak dipinggirkan dalam perancangan program pembangunan untuk generasi muda dan arus pembangunan negara. Menurut Baron & Byrn (1991), tingkah laku sosial merupakan suatu terma yang merujuk kepada konsep kelakuan (*conduct behavior*) yang secara umum dipamerkan oleh seseorang individu dalam sesebuah masyarakat tertentu. Tingkah laku sosial ditunjukkan melalui perasaan, tindakan, sikap keyakinan atau rasa hormat terhadap orang lain.

Secara terperinci, terdapat beberapa aspek dimensi kecenderungan tingkah laku sosial yang dikenalpasti dan mempengaruhi kesejahteraan dan perpaduan negara berdasarkan pelbagai etnik di Malaysia. Antaranya dimensi terhadap gangguan tingkah laku. Menurut Linda (1994), gangguan tingkah laku atau *conduct disorder* merujuk kepada tingkah laku anti sosial yang melanggar nilai dan norma-norma masyarakat. Lindner, Savic, Sitnikov, Budhiraja, Liu, Jokinen, Tiisonen, dan Hodgins (2016) pula menjelaskan diagnosis untuk tingkah laku bermasalah diindeks dengan corak tingkah laku antisosial termasuk melanggar peraturan dan norma masyarakat, buli, kecurian, serangan fizikal semasa zaman kanak-kanak dan generasi muda. Gangguan tingkah laku sering dikaitkan dengan pelbagai kesan negatif termasuk tingkah laku antisosial yang berterusan, kegagalan dalam aspek akademik, status sosioekonomi yang rendah, masalah jenayah, gangguan mental dan fizikal seseorang individu. Gangguan tingkah laku yang tidak terkawal berupaya memecahbelahkan perpaduan dan keharmonian rakyat pelbagai etnik di Malaysia. Selain dimensi gangguan tingkah laku, tingkah laku sosial juga digambarkan melalui dimensi yang berkaitan dengan masalah emosi. Masalah emosi yang membimbangkan dan tidak terkawal berupaya menjejaskan perpaduan yang dirancang melalui konsep dan gagasan 1 Malaysia. Menurut Hairunnaja (2003), masalah emosi boleh berlaku terhadap seseorang individu sekiranya mereka

gagal untuk mengendalikan sikap positif yang ada dalam diri mereka terhadap sesuatu peristiwa yang berlaku dalam kehidupannya. Kegagalan untuk menangani masalah emosi boleh menjejaskan hala tuju dan perkembangan positif generasi muda ketika menuju peralihan dewasa. Oleh itu, pemahaman tentang masalah emosi yang merupakan sebagai sebahagian daripada dimensi tingkah laku sosial perlu diterokai supaya pihak-pihak yang berkepentingan dapat merangka program-program pembangunan untuk generasi muda masa hadapan yang relevan dan bersesuaian dengan perubahan dan kehendak semasa.

Selain dimensi gangguan tingkah laku dan masalah emosi, dimensi kemahiran prososial juga merupakan aspek penting yang membantu memberi nilai tambah terhadap usaha-usaha pihak yang berkepentingan untuk membina perpaduan yang kukuh dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia. Menurut beberapa orang sarjana, kemahiran prososial merujuk kepada tingkah laku yang boleh memberikan manfaat kepada orang lain yang berada disekelilingnya. Tingkah laku prososial sering dianggap sebagai asas dalam perhubungan sesamam manusia. Kajian menunjukkan individu yang mempunyai kemahiran prososial dalam dirinya mudah untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling dan mempunyai hubungan yang baik dengan rakan-rakannya. Faktor gaya keibubapaan merupakan faktor yang dikenalpasti mempengaruhi tingkah laku prososial dalam kalangan seseorang individu (Knafo dan Plomin, 2006; Malti, Keller, Gummerum, dan Buchmann, 2009). Menurut Babcock, Hartle & Lamme (1995), tingkah laku prososial merujuk kepada suatu tingkah laku yang perlu diberikan perhatian dalam pembentukan perhubungan interpersonal yang positif. Justeru itu, bagi mencapai perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai etnik, maka usaha-usaha meningkatkan tingkah laku kemahiran prososial dalam kalangan generasi muda perlu diberikan perhatian melalui program-program pembangunan belia yang bersesuaian. Ini kerana untuk mewujudkan jati diri nasional kearah integrasi dan perpaduan etnik merupakan suatu cabaran yang sangat besar yang perlu dihadapi oleh negara yang terdiri daripada pelbagai etnik di Malaysia.

Pembinaan hubungan dengan rakan sebaya juga memainkan peranan penting untuk membentuk generasi muda yang dinamik dalam kalangan pelbagai etnik bagi mencapai kesepaduan sosial. Kajian menunjukkan rakan sebaya memainkan peranan yang sangat penting dalam perhubungan sosialisasi dan memberi pengaruh yang kuat ke atas golongan muda untuk terjebak dengan kegiatan yang tidak sihat seperti penglibatan dengan aktiviti penyalahgunaan dadah, meminum minuman keras dan mencuri (Dishion & Bullock, 2002). Penglibatan generasi muda dengan aktiviti sosial yang mengundang perpecahan boleh menjejaskan matlamat negara untuk membentuk perpaduan yang kukuh dalam kalangan masyarakatnya. Justeru analisis yang berhubungan dengan rakan sebaya dalam kalangan generasi muda masakini perlu dikenalpasti supaya pihak-pihak yang berkepentingan dapat memahami dan mengambil langkah untuk merangka polisi dan program-program pembangunan generasi muda yang bersesuaian dengan kehendak semasa di masa hadapan. Begitu juga dengan dimensi tingkah laku hiperaktif yang dilihat perlu diberikan penekanan sewajarnya ke arah pemupukan generasi muda pelbagai kaum di Malaysia. Tingkah laku hiperaktif didefinisikan sebagai gangguan terhadap pemusatan perhatian yang dihadapi oleh seseorang individu seperti mudah merasa gelisah dan sering melakukan sesuatu perkara tanpa berfikir tentang akibat baik dan buruknya (Barkley, 2006). Manakala Silver (2001) pula mendapati bahawa seseorang individu yang memiliki masalah hiperaktif sejak kecil boleh menjejaskan perkembangan kehidupannya sehingga ke alam dewasa.

Memandangkan konsep tingkah laku sosial memainkan peranan yang sangat penting dalam membina perpaduan dan keharmonian generasi muda pelbagai etnik khasnya yang tinggal di kawasan terpinggir, maka kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenalpasti perbandingan tingkah laku sosial dalam kalangan mereka. Penyelidikan ini adalah perlu kerana proses pembangunan negara yang pesat sudah pasti akan membawa kepada perubahan, cabaran dan implikasi daripada aspek nilai, tingkah laku dan institusi masyarakat itu sendiri. Oleh itu hasil kajian ini diharap dapat dijadikan petunjuk penting kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam merangka dasar-dasar sosial, polisi dan program-program pembangunan untuk

meningkatkan perpaduan dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik dan generasi muda masa depan khususnya yang tinggal di kawasan terpinggir. Output kajian juga diharap dapat dijadikan panduan untuk membolehkan pihak-pihak yang berkepentingan merangka pelan pembangunan sosial yang lebih strategik bagi memastikan proses transisi mereka ke alam dewasa kelak adalah seimbang dan signifikan kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

## **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan metodologi berbentuk tinjauan keratan-lintang secara kuantitatif. Data kajian telah dianalisis dengan menggunakan ujian ANOVA. Penganalisaan data telah dilakukan dengan menggunakan 'Statistical Package for the Social Science for Windows' (SPSS for Windows). Instrumen *The Strengths and Difficulties Questionnaire* (SDQ) telah digunakan untuk mengukur tingkah laku sosial dalam kalangan generasi muda pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir di Malaysia. Instrumen SDQ tersebut mengandungi 25 soalan berkaitan dengan tingkahlaku sosial dengan lima sub dimensi iaitu gangguan tingkah laku, masalah emosi, kemahiran prososial, masalah hubungan rakan sebaya dan tingkah laku hiperaktif. Skala tiga likert digunakan dengan pilihan-pilihannya disusun mengikut kesesuaian iaitu (1) tidak benar, (2) agak benardan (3) benar. Nilai kebolehpercayaan untuk skala yang digunakan dalam kajian ini adalah tinggi iaitu 0.792.

### *Analisis ANOVA*

Analisis ANOVA digunakan untuk membuat perbandingan lebih daripada dua skor min dan menentukan samada terdapat perbezaan antara lebih daripada dua sampel bebas berkenaan (Chua, 2009). Dalam kajian ini, analisis ANOVA sehala digunakan untuk membuat perbandingan tingkah laku sosial dalam kalangan generasi muda pelbagai etnik di Malaysia.

### *Populasi dan sampel kajian*

Dalam kajian ini, populasi kajian merujuk kepadagenerasi muda yang secara geografinya tinggal dalam kawasan terpinggir seperti tinggal di kawasan kampung tradisional, kampung baru, rumah panjang, FELDA, FELCRA, estet, rumah pangsa dan rumah kos rendah serta mempunyai jumlah pendapatan isirumah sebanyak RM3,000 sebulan. Kesemua generasi muda terpinggir tersebut berusia dalam lingkungan umur 15-25 tahun. Persampelan rawak berdasarkan blok perhitungan banci penduduk 2010 telah digunakan untuk memilih 4,107 orang generasi muda yang tinggal di kawasan terpinggir di Malaysia dengan pecahanjumlah sampel yang terdiri daripada etnik Melayu (2,015 orang), etnik Cina (1,044 orang), etnik India (319 orang) dan etnik peribumi Sabah dan Sarawak (729 orang). Zon-Zon yang terlibat dalam kajian ini adalah: (1) Zon Utara (725 responden): melibatkan negeri Perlis dan Kedah, (2) ZonPantai Timur (672 responden): melibatkan negeri Kelantan dan Terengganu, (3) Zon Selatan (681 responden): melibatkan Negeri Sembilan, Melaka dan Johor, (4) Zon Tengah (693 responden): melibatkan negeri Selangor dan Wilayah Persekuan, KL, (4) Zon Sabah (711 responden) bagi negeri Sabah dan (5) Zon Sawarak (635 responden) bagi negeri Sarawak.

### *Proses Pengumpulan Borang Soal Selidik*

Pengedaran borang soal selidik kajian telah dijalankan secara rawak setelah mendapat kebenaran bertulis untuk menjalankan kajian daripada pihak yang berkepentingan. Kerja-kerja dilapangan telah diagihkan kepada beberapa kumpulan penyelidik berdasarkan zon-zon dan lokasi penyelidikan. Sewaktu kerja-kerja pengutipan data dilapangan dilakukan, setiap zon diuruskan oleh seorang ketua penyelidik dan dibantu oleh beberapa orang pembantu penyelidik dan

enumerator terlatih. Kesemua pembantu penyelidik dan enumerator terlatih yang terlibat dalam penyelidikan terlebih dahulu diberikan penerangan dan taklimat ringkas berkaitan kaedah pengumpulan data oleh ketua penyelidik. Seterusnya, ketua dan pembantu penyelidik serta enumerator terlatih telah kelapangan dan sesi pengumpulan data dijalankan berdasarkan kriteria yang ditetapkan seperti negeri dan zon yang telah ditentukan serta ciri-ciri responden yang disasarkan dalam penyelidikan. Sewaktu pengutipan data dijalankan, pembantu penyelidik dan enumerator telah mengawasi responden sewaktu mereka menjawab soal selidik bagi membolehkan mereka bertanya sekiranya terdapat soalan-soalan yang kurang jelas dan kurang difahami. Semua responden yang terlibat dalam kajian ini dimaklumkan tentang etika pengumpulan data dan mereka dibenarkan untuk menarik diri pada bila-bila masa sepanjang kajian tersebut berlangsung. Bagi mendapatkan jumlah borang soal selidik yang tepat, pasukan penyelidik telah memeriksa setiap helaian pada borang soal selidik sewaktu pengutipan borang soal selidik dijalankan. Ia bertujuan memastikan setiap responden mengisi borang soal selidik dengan sempurna dan lengkap. Sekiranya terdapat mana-mana borang yang didapati tidak diisi dengan lengkap, pasukan penyelidik akan memulangkan semula kepada responden dan memastikan mereka menjawab soalan yang tidak dijawab tersebut dengan bantuan daripada pegawai penyelidik yang bertugas dalam sesi pengutipan data berkenaan. Secara keseluruhan, proses pengumpulan data dapat dijalankan dengan sempurna hasil kerjasama yang baik daripada responden yang terlibat dalam penyelidikan.

### **Hasil kajian dan perbincangan**

Jadual 1 dan 2 menunjukkan perbandingan min kecenderungan tingkah laku sosial terhadap 4,107 orang generasi muda yang tinggal di kawasan terpinggir.

#### *Gangguan Tingkah laku*

Dalam kajian ini gangguan tingkah laku merujuk kepada sikap suka marah dan tidak dapat mengawal kemarahan, suka bergaduh, bercakap tidak benar, suka mencuri barangan milik orang lain dan melakukan perkara hanya apabila disuruh. Kajian yang dijalankan terhadap 4,107 generasi muda yang tinggal di kawasan terpinggir menunjukkan bahawa secara relatifnya generasi muda terpinggir dalam kalangan etnik Melayu (skor min=1.627), Cina (skor min= 1.593), India (skor min= 1.826), Bumiputera Sabah (skor min= 1.569) dan Bumiputera Sarawak (skor min 1.622) tidak menunjukkan kecenderungan gangguan tingkah laku yang membimbangkan (Jadual 1). Analisis kajian memberi petunjuk bahawa kesemua kumpulan etnik generasi muda yang tinggal di kawasan terpinggir tidak menunjukkan masalah gangguan tingkah laku yang serius dan membimbangkan. Berdasarkan analisis ANOVA yang dijalankan (Jadual 2) mendapati gangguan tingkah laku bagi kumpulan generasi muda terpinggir dalam kalangan etnik India ( $M=1.82$ ,  $sp = .61$ ) adalah berbeza secara signifikan dengan semua etnik lain yang diuji dalam kajian ini, iaitu Melayu ( $M=1.63$ ,  $sp = .42$ ), Cina ( $M=1.59$ ,  $sp = .41$ ), Bumiputra Sabah ( $M=1.57$ ,  $sp = .36$ ) dan Bumiputra Sarawak ( $M=1.62$ ,  $sp = .44$ ). Analisis ini memberi petunjuk bahawa walaupun keseluruhannya generasi muda pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir tidak menunjukkan masalah emosi yang membimbangkan, namun generasi muda terpinggir dalam kalangan etnik India perlu diberikan perhatian dalam program-program pembangunan kerana ia dilihat berpotensi untuk cenderung kepada gangguan tingkah laku berdasarkan dapatan nilai min yang menghampiri nilai dua berbanding kumpulan etnik-etnik lain.

#### *Masalah Emosi*


Dalam kajian ini masalah emosi merujuk kepada keadaan seseorang individu yang sering berasa rungsing, tidak sihat seperti sering sakit kepala dan demam, sering merasa sedih dan murung dan

mudah berasa takut ketika berada di tempat baharu. Secara relatifnya kajian yang dijalankan mendapati bahawa generasi muda terpinggir dalam kalangan etnik Melayu (skor min 1.727), Cina (skor min 1.708), India (skor min 1.842), Bumiputera Sabah (skor min 1.662) dan Bumiputera Sarawak (skor min 1.729) tidak menunjukkan kecenderungan masalah emosi yang membimbangkan. Kajian ini memberi petunjuk bahawa kesemua generasi muda pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir tidak menunjukkan masalah emosi yang serius dan membimbangkan. Analisis ANOVA sehalu yang dijalankan mendapati bahawa wujud perbezaan signifikan antara kumpulan etnik yang dikaji [ $F(4, 3388)=4.97, p=.00$ ]. Perbandingan post-hoc menggunakan LSD menunjukkan masalah emosi bagi kumpulan generasi muda India ( $M=1.84, sp = .61$ ) adalah berbeza secara signifikan dengan semua kaum lain yang diuji dalam kajian ini, iaitu Melayu ( $M=1.73, sp=.49$ ), Cina ( $M=1.71, sp = .49$ ), Bumiputra Sabah ( $M=1.67, sp = .45$ ) dan Bumiputra Sarawak ( $M=1.73, sp = .51$ ). Analisis ini memberi petunjuk bahawa walaupun keseluruhannya generasi muda pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir tidak menunjukkan masalah emosi yang membimbangkan, namun generasi muda terpinggir dalam kalangan etnik India perlu diberikan perhatian dalam program-program pembangunan belia kerana ia dilihat berpotensi untuk cenderung kepada masalah emosi berdasarkan dapatan nilai min yang menghampiri nilai dua berbanding kumpulan etnik-etnik lain.

#### *Kemahiran Prososial*

Dalam kajian ini, kemahiran prososial merujuk kepada tingkah laku suka berbuat baik kepada orang sekeliling, suka berkongsi sesuatu perkara dengan orang lain, suka membantu orang lain sekiranya mereka berada dalam kesusahan dan suka membantu orang lain secara sukarela. Analisis kajian menunjukkan secara relatifnya generasi muda terpinggir dalam kalangan etnik Melayu (skor min= 2.333), Cina (skor min= 2.288), India (skor min= 2.322), Bumiputera Sabah (skor min= 2.362) dan Bumiputera Sarawak (skor min= 2.381) menunjukkan kemahiran prososial yang baik. Kajian ini memberi petunjuk bahawa kesemua generasi muda pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir mempamerkan kemahiran prososial yang baik dan memberi gambaran positif terhadap pembentukan generasi muda masa depan yang sejahtera. Hasil ujian ANOVA yang dijalankan mencadangkan bahawa wujud perbezaan signifikan antara pelbagai kumpulan etnik yang dikaji [ $F(4, 3395)=3.50, p=.01$ ]. Perbandingan post-hoc menggunakan LSD menunjukkan bahawa wujud perbezaan bagi aspek Kemahiran Prososial bagi generasi muda dalam kalangan etnik Cina ( $M=2.29, sp=.44$ ) dan semua kaum lain yang diuji dalam kajian ini, iaitu Melayu ( $M=2.33, sp=.43$ ), India ( $M=2.32, sp = .51$ ), Bumiputra Sabah ( $M=2.36, sp = .40$ ) dan Bumiputra Sarawak ( $M=2.38, sp = .43$ ). Analisis ini memberi petunjuk bahawa kesemua generasi muda pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir menunjukkan kemahiran prososial yang baik dan keadaan ini perlu dikekalkan dan dipertingkatkan melalui program-program pembangunan belia yang disediakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan bagi melahirkan generasi muda yang sejahtera dan dapat membantu mengukuhkan perpaduan dan keharmonian masyarakat.

**Jadual 1. Perbandingan Min Kecenderungan Tingkahlaku Sosial berdasarkan Kumpulan Etnik Dalam Kalangan Generasi muda Terpinggir di Malaysia**



Nota : Min 1-2 (Rendah), 2.01-3 (Tinggi)

Petunjuk : Lebih tinggi nilai min konstruk, maka lebih tinggi kecenderungan tingkah laku sosial untuk konstruk berkenaan. Lebih rendah nilai min konstruk, maka lebih rendah kecenderungan tingkah laku social untuk konstruk berkenaan.

*Masalah Hubungan Rakan Sebaya*

Dalam kajian ini, masalah hubungan dengan rakan sebaya merujuk kepada keadaan dimana responden suka bersendirian daripada bersama dengan rakan sebaya, memiliki satu atau leih kawan baik, rakan sebaya menyukai dirinya, mudah berkawan dengan orang dewasa berbanding dengan rakan sebaya yang lain dan mempunyai rakan sebaya yang suka membuli dan menyalahkan dirinya. Secara relatifnya, hasil kajian menunjukkan generasi muda terpinggir dalam kalangan etnik Melayu (skor min= 1.957), Cina (skor min= 1.955), Bumiputera Sabah (skor min= 1.934) dan Bumiputera Sarawak (skor min= 1.935) menunjukkan kecenderungan masalah hubungan rakan sebaya yang hampir berada pada tahap yang membimbangkan. Manakala generasi muda dalam kalangan etnik India yang tinggal di kawasan terpinggir (skor min=2.288) pula menunjukkan masalah hubungan rakan sebaya yang jelas berada pada tahap yang membimbangkan. Ini kerana min skor bagi masalah hubungan dengan rakan sebaya dalam kalangan generasi muda terpinggir dalam kalangan etnik Indiamelebihi nilai min dua iaitu melepasi tahap yang membimbangkan. Analisis ini selari dengan hasil LSD yang mendapatibahawa masalah hubungan rakan sebaya bagi generasi muda terpinggir dalam kalangan

etnik India ( $M=1.82$ ,  $sp = .61$ ) adalah berbeza secara signifikan dengan semua kaum lain yang diuji dalam kajian ini, iaitu Melayu ( $M=1.63$ ,  $sp = .42$ ), Cina ( $M=1.95$ ,  $sp = .34$ ), Bumiputra Sabah ( $M=1.93$ ,  $sp = .33$ ) dan Bumiputra Sarawak ( $M=1.94$ ,  $sp = .37$ ). Analisis ini memberi petunjuk bahawa program-program pembangunan belia yang disediakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan perlu memberi penekanan terhadap modul bagaimana untuk meningkatkan ukhwah dan merapatkan hubungan silaturahim antara rakan sebaya dalam kalangan generasi muda terpinggir pelbagai etnik di Malaysia khususnya dalam kalangan generasi muda India yang tinggal dalam kawasan terpinggir.

**Jadual 2. Hasil ANOVA dan post hoc melalui LSD bagi Perbezaan Dimensi Kecenderungan Tingkahlaku Sosial berdasarkan Kumpulan Etnik Dalam Kalangan Generasi muda Terpinggir di Malaysia**

Dimensi	df	F	Ujian Post Hoc (LSD)		
			Etnik	Min	Sp
Gangguan Tingkah Laku	4 3395	15.48*	Cina *	1.59	.42
			India*	1.82	.41
			Bumiputera Sabah*	1.57	.36
			Bumiputera Sarawak*	1.62	.44
			Melayu*	1.62	.42
Masalah Emosi	4 3388	4.97*	Cina*	1.70	.49
			India*	1.82	.61
			Bumiputera Sabah*	1.66	.45
			Bumiputera Sarawak*	1.72	.51
			Melayu*	1.73	.49
Kemahiran Prososial	4 3395	3.50*	Cina*	2.29	.44
			India*	2.32	.51
			Bumiputera Sabah*	2.36	.40
			Bumiputera Sarawak*	2.38	.43
			Melayu*	2.33	.43
Masalah Hubungan Rakan Sebaya	4 3394	6.42*	Cina*	1.95	.34
			India*	2.07	.49
			Bumiputera Sabah*	1.93	.33
			Bumiputera Sarawak*	1.93	.37
			Melayu*	1.96	.36
Hiperaktif	4 3394	3.03*	Cina*	2.00	.36
			India*	2.08	.48
			Bumiputera Sabah*	2.00	.35
			Bumiputera Sarawak*	2.06	.38
			Melayu*	2.02	.37

Nota: \* signifikan pada  $< .01$



### *Tingkah laku Hiperaktif*

Dalam kajian ini, tingkah laku hiperaktif merujuk kepada tingkah laku sering merasa gelisah dan tidak boleh berdiam diri dalam tempoh yang lama, mudah merasa resah, sering merasa terganggu dan tidak mudah memberi tumpuan, berfikir sebelum melakukan sesuatu perkara dan mempunyai tumpuan yang baik dan sering melakukan sesuatu kerja sehingga selesai. Kajian yang dijalankan ke atas 4,107 generasi muda pelbagai etnik yang tinggal di kawasan terpinggir menunjukkan tingkah laku hiperaktif yang membimbangkan. Bagi generasi muda etnik Bumiputera Sabah (skor min= 1.999) yang tinggal di kawasan terpinggir menunjukkan skor min tingkah laku hiperaktif yang rendah namun agak membimbangkan berbanding dengan etnik lain seperti Melayu (skor min= 2.02), Cina (skor min= 2.006), India (skor min= 2.08) dan Bumiputera Sarawak (skor min= 2.061) yang menunjukkan min skor tingkah laku hiperaktif yang tinggi dan membimbangkan. Hasil analisis ANOVA terhadap tingkah laku hiperaktif menunjukkan bahawa wujud perbezaan signifikan antara pelbagai kumpulan etnik yang dikaji [ $F(4, 3394)=3.03, p=.01$ ]. Secara khusus, analisis LSD mendapati bahawa aspek tingkah laku hiperaktif bagi generasi muda terpinggir dalam kalangan etnik India (M=2.08, sp = .48) adalah berbeza secara signifikan dengan semua kaum lain yang diuji dalam kajian ini, iaitu Melayu (M=2.02, sp = .37), Cina (M=2.01, sp = .36), Bumiputera Sabah (M=2.00, sp = .35) dan Bumiputera Sarawak (M=2.06, sp = .38). Analisis ini memberi petunjuk bahawa pihak-pihak yang berkepentingan perlu menganjurkan program-program pembangunan belia yang dapat mengurangkan tingkah laku hiperaktif dalam kalangan generasi muda pelbagai etnik di Malaysia. Usaha untuk mengerakkan program-program pembangunan untuk generasi muda yang relevan dan memenuhi keperluan semasa adalah penting bagi melahirkan generasi muda yang sejahtera dan seterusnya membantu negara mengukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam setiap lapisan masyarakat.

### **Cadangan dan kesimpulan**

Secara rumusan, kajian semasa yang dijalankan menggambarkan bahawa majoriti generasi muda yang tinggal di kawasan terpinggir pelbagai etnik yang terdiri daripada Melayu, Cina, India, Bumiputera Sabah dan Sarawak tidak menunjukkan kecenderungan tingkah laku sosial daripada aspek gangguan tingkah laku dan masalah emosi. Kebanyakan generasi muda pelbagai etnik yang terlibat dalam penyelidikan ini juga mempamerkan tingkah laku prososial yang baik dan memberi keyakinan tinggi kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam usaha untuk meneruskan agenda perpaduan dan pembentukan generasi muda yang sejahtera pada masa hadapan. Hanya generasi muda terpinggir yang terdiri daripada etnik India sahaja yang mempamerkan masalah hubungan dengan rakan sebaya berbanding etnik-etnik lain. Perkara ini perlu penerokaan yang lebih spesifik dan mendalam untuk merungkai permasalahan yang wujud dalam kalangan generasi muda India yang tinggal dalam kawasan terpinggir bagi memastikan proses pembentukan generasi muda yang sejahtera untuk semua kaum dapat dijayakan. Manakala masalah tingkah laku hiperaktif ditunjukkan oleh hampir semua etnik dalam kalangan generasi mudayang tinggal di kawasan terpinggir. Tindakan segera perlu dirangka dengan lebih berkesan bagi menyediakan program-program pembangunan belia yang selari dengan tingkah laku generasi muda masakini untuk mengerakkan perubahan dan perkembangan diri serta tingkah laku positif generasi muda masa hadapan. Program-program seperti “Kem Minda Sihat” dan “Kem Membina Persahabatan” adalah disaran untuk diwujudkan dalam perancangan program-program pembangunan untuk generasi muda masa hadapan. Ia bertujuan untuk mempromosi gaya hidup dan minda yang sihat dalam kalangan generasi muda supaya mereka dapat didedahkan dengan panduan dan langkah-langkah intervensi yang dapat meningkatkan dan mengekalkan kesihatan minda dan seterusnya dapat mengharungi cabaran dalam proses transisi belia dewasa yang sempurna. Pemikiran positif dan gaya hidup yang sihat dapat membentuk nilai-nilai murni dalam kalangan generasi muda pelbagai etnik khususnya yang tinggal di kawasan terpinggir. Melalui

penekanan dan amalan nilai-nilai murni berkenaan, maka ia secara tidak langsung dapat mengelak konflik antara pelbagai etnik dan seterusnya memudahkan matlamat negara ke arah memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kalangan generasi muda pelbagai etnik di Malaysia. Interaksi yang baik antara mereka juga membantu merapatkan hubungan sesama kaum sekaligus membantu mewujudkan perpaduan dan keharmonian seperti mana yang diharapkan. Perpaduan yang kukuh dan stabil dalam kalangan etnik yang pelbagai berupaya membantu merealisasikan aspirasi negara untuk mencapai wawasan 2020 melalui konsep dan gagasan 1 Malaysia yang diterapkan ke padas seluruh lapisan masyarakat di Malaysia.

## Penghargaan

Kajian ini telah mendapat sokongan dan pembiayaan daripada Kementerian Pendidikan Tinggi melalui kod penyelidikan LRGS/2013/UMK-UKM/SS/01. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, Penyelidik-penyelidik di Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Kelantan serta semua pihak yang terlibat menjayakan penyelidikan ini.

## Rujukan

- Baron RA, Byrne D (1991) *Sosial Psychology: Understanding Human Interactions*. (6th Ed.). Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Bargh JA, Chen M, Burrows L (1996) Automaticity of sosial behavior: Direct effects of trait construct and stereotype activation on action. *Journal of Personality and Sosial Psychology*, 71 (2): 230-244.
- Babcock, Hartle, Lamme (1995) Prosocial Behaviors of Five-Year-Old Children In Sixteen Learning / Activity Centers. *Journal of Research in Childhood Education*, 9: 113-127.
- Barkley RA (2006) ADHD in adults: Developmental course and outcome of children with ADHD and ADHD in clinic-referred adults.
- Chua Yan Piaw (2009) *Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Kaedah Pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- Dishion TJ, Bullock BM (2002) Parenting and adolescent problem behavior: An ecological analysis of the nurturance hypothesis. In J.G. Borkowski (Ed.), *Parenting and your child's world* (pp. 231–250). Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- Hairunnaja Najmuddin (2003) Memahami & membimbing generasi muda nakal. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Knopf D, Park MJ, Mulye TP (2008) The Mental Health of Adolescent: A National Profile. National Adolescent Health Information Center (NATIC)
- Linda De Clerg (199) *Tingkah Laku Abnormal, dari Sudut Padang Perkembangan*, Jakarta: Grasindo
- Lindner P, Savic I, Sitnikov R, Budhiraja M, Liu Y, Jokinen J, Tiisonen J, Hodgins S (2016) Conduct disorder in females is associated with reduced corpus callosum structural integrity independent of comorbid disorders and exposure to maltreatment. *Translational Psychiatry*. 19(6):714. doi: 10.1038/tp.2015.216
- Malti T, Keller M, Gummerum M, Buchmann M (2009) Children's Moral Motivation, Sympathy, and Prosocial Behavior. *Child Development*. 80(2):44-460.

- Silver L (2001) Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder. In F. Kline, L. Silver, S. Russell (Eds.),  
The educators guide to medical issues in the classroom,143-158. Maryland: Paul H.  
Brookes Publishing
- Shamsul Amri Baharuddin (2007) Modul Hubungan Etnik. Putrajaya: Kementerian Pengajian  
Tinggi Malaysia
- Zaliza Mohd Nasir & Norlin Ahmad (2009) Pembangunan Sosial dalam Hubungan Etnik. Diakses  
pada 17 April 2016.  
[http://eprints.utm.my/14763/1/ZalizaMohd.Nasir2009\\_PembangunanSosialdalam  
HubunganEtnik.pdf](http://eprints.utm.my/14763/1/ZalizaMohd.Nasir2009_PembangunanSosialdalamHubunganEtnik.pdf)